

Anwar, Muhyiddin setuju henti pertikaian peribadi

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin setuju menghentikan pertikaian peribadi antara mereka serta presiding mahkamah bagi mengutamakan kepentingan negara dan rakyat.

Melalui kenyataan bersama, kedua-dua pemimpin utama Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) itu berkata, keputusan tersebut dibuat selepas mempertimbangkan kesan saman fitnah kepada umum dan mengambil kira saranan Hakim Mahkamah Tinggi.

Jelas kenyataan itu, Anwar

dan Muhyiddin merakamkan penghargaan kepada Hakim Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawai mahkamah yang terlibat.

Malah, jelasnya, kedua-dua pemimpin turut berharap keputusan mereka dapat diterima dan dihormati oleh semua pihak.

“Anwar dan Mahiaddin (Muhyiddin) turut bersetuju untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan susulan terkait perkara ini.

“Anwar dan Mahiaddin berharap agar perkara ini tidak dijadikan bahan yang boleh mengganggu-gugat kesejahteraan dan kestabilan awam serta keyakinan rakyat kepada Insti-

tusi Kehakiman Negara,” jelas kenyataan itu.

Pada 5 Disember 2022, Anwar memfailkan saman fitnah terhadap Muhyiddin berhubung dakwaan menerima bayaran RM15 juta sebagai Penasihat Ekonomi Selangor dalam satu ucapan semasa ‘Grand Finale Perikatan Nasional Padang Serai’ di Taman Selasih, Kulim, Kedah.

Pada 28 Julai 2023, Muhyiddin pula memfailkan saman terhadap Anwar atas dakwaan menyampaikan ucapan berbaur fitnah berkaitan isu pelupusan hutang peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) bernilai RM8.3 bilion.